



Singapore Examinations and Assessment Board

**Singapore–Cambridge General Certificate of Education
Ordinary Level (2022)**

**Malay (Special Programme)
(Syllabus 1133)**

KANDUNGAN

Halaman

OBJEKTIF PENILAIAN	3
HASIL PEMBELAJARAN	3
FORMAT PEPERIKSAAN	4
JADUAL PENGKHUSUSAN	6
RUBRIK PEMARKAHAN	8

OBJEKTIF PENILAIAN

Peperiksaan Bahasa Melayu (Program Khas) GCE Peringkat Biasa bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan calon dalam bidang bahasa berdasarkan objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) Sekolah Menengah 2015, Kementerian Pendidikan.

Peperiksaan Bahasa Melayu (Program Khas) bertujuan untuk menilai keupayaan calon:

- (a) mendengar, memahami dan mengingat butir-butir rakaman dalam situasi formal dan tidak formal;
- (b) menyampaikan pendapat dengan jelas dan lancar tentang pelbagai situasi harian dan semasa menggunakan sebutan baku;
- (c) membaca dan memahami teks daripada pelbagai sumber;
- (d) menulis pelbagai bentuk karangan berdasarkan tajuk dengan isi dan idea yang relevan menggunakan bahasa yang betul;
- (e) berinteraksi secara lisan dengan jelas dan lancar tentang pelbagai situasi harian dan semasa menggunakan sebutan baku yang bertatasusila; dan
- (f) memberikan respons secara bertulis dengan menggunakan bahasa yang betul berdasarkan konteks tentang pelbagai situasi harian dan semasa.

HASIL PEMBELAJARAN

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) Sekolah Menengah 2015 yang dihasilkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, pada akhir pendidikan sekolah menengah kursus Bahasa Melayu (Program Khas) GCE Peringkat Biasa, pelajar berupaya:

- (a) mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap pelbagai teks prosa dan puisi tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat, negara dan serantau;
- (b) menyampaikan sesuatu perkara dengan jelas dan lancar tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat, negara dan serantau dengan menggunakan sebutan baku;
- (c) membaca dan memahami maklumat yang terdapat dalam pelbagai teks tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat, negara dan serantau;
- (d) menulis pelbagai teks naratif, deskriptif dan ekspositori tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat, negara dan serantau dengan menggunakan bahasa yang betul;
- (e) berinteraksi dengan pihak lain secara jelas dan lancar tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat, negara dan serantau dengan menggunakan sebutan baku yang bertatasusila; dan
- (f) memberikan respons secara bertulis yang berbentuk transaksi, perbincangan dan pembujukan tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat, negara dan serantau dengan menggunakan bahasa yang betul.

FORMAT PEPERIKSAAN

Format peperiksaan bagi Bahasa Melayu (Program Khas) GCE Peringkat Biasa terbahagi kepada:

- Kertas 1: Penulisan Fungsional dan Esei
- Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman
- Kertas 3: Lisan dan Kefahaman Mendengar

Kertas 1: Penulisan Fungsional dan Esei – 20 markah (20%)

Kertas 1 terbahagi kepada Bahagian A dan Bahagian B. Calon dikehendaki menjawab dua soalan; satu daripada Bahagian A dan satu lagi daripada Bahagian B. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 45 minit. Kamus yang diluluskan boleh digunakan.

Bahagian A: Penulisan Fungsional (5 markah)

Bahagian A mengandungi dua soalan respons berdasarkan rangsangan seperti e-mel, forum, blog dan sebagainya. Calon perlu menjawab satu soalan sahaja. Panjangnya karangan calon hendaklah tidak kurang daripada 50 patah perkataan.

Bahagian B: Penulisan Esei (15 markah)

Bahagian B mengandungi tiga soalan. Calon perlu menjawab satu soalan sahaja. Panjangnya karangan calon hendaklah tidak kurang daripada 170 patah perkataan.

Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman – 30 markah (30%)

Kertas 2 terbahagi kepada Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 15 minit.

Bahagian A: Melengkapkan Teks (10 markah)

Bahagian ini mengandungi sepuluh soalan bahasa berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan dua teks pendek. Teks yang digunakan adalah berdasarkan bahan autentik. Sebagai contoh, rencana, maklumat daripada Internet dan lain-lain lagi.

Bahagian B: Kefahaman (10 markah)

Bahagian ini mengandungi lima soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan dua rangsangan grafik. Teks yang digunakan adalah berdasarkan bahan autentik. Sebagai contoh, iklan, brosur, jadual dan lain-lain lagi.

Bahagian C: Kefahaman (10 markah)

Bahagian ini mengandungi empat soalan berbentuk respons bebas berdasarkan satu teks yang panjangnya lebih kurang 260 patah perkataan. Calon dikehendaki menjawab tiga soalan respons bebas dan satu soalan yang mengandungi dua item semantik.

Kertas 3: Lisan dan Kefahaman Mendengar – 50 markah (50%)

Kertas 3 terbahagi kepada dua bahagian.

(a) Lisan (30 markah)

Peperiksaan Lisan terdiri daripada dua bahagian. Calon diberi masa persiapan selama 10 minit.

Bahagian A: Bacaan Lantang (10 markah)

Calon dikehendaki membaca lantang petikan yang diberikan.

Bahagian B: Perbualan (20 markah)

Calon dikehendaki berbual dengan pemeriksa lisan berdasarkan tema gambar yang disediakan.

(b) Kefahaman Mendengar (20 markah)

Bahagian ini mengandungi 15 soalan berbentuk aneka pilihan. Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan tujuh petikan autentik pelbagai genre seperti iklan, pengumuman, rencana, laporan berita dan lain-lain lagi. Empat daripada petikan tersebut merupakan petikan pendek. Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 30 minit.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Jadual Pengkhususan yang disediakan.

JADUAL PENGKHUSUSAN

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
1 (1 jam 45 min)	Karangan <u>Bahagian A</u> Penulisan Fungsional	Respons bebas	2 (1)	5 (5%)	Kamus yang diluluskan boleh digunakan. Berdasarkan rangsangan seperti e-mel, forum, blog dan sebagainya. Panjangnya mesej/respons tidak kurang daripada 50 patah perkataan.
	<u>Bahagian B</u> Penulisan Esei ▪ berdasarkan gambar bersiri ▪ naratif ▪ ekspositori		3 (1)	15 (15%)	Panjangnya karangan tidak kurang daripada 170 patah perkataan.
	Subtotal	-	5 (2)	20 (20%)	-
2 (1 jam 15 min)	Penggunaan Bahasa dan Kefahaman <u>Bahagian A</u> Melengkapkan Teks	MCQ	10 (10)	10 (10%)	Dua teks pendek; berdasarkan bahan autentik. Sebagai contoh, rencana, maklumat daripada Internet dan lain-lain lagi.
	<u>Bahagian B</u> Kefahaman	MCQ	5 (5)	10 (10%)	Dua rangsangan grafik berdasarkan bahan autentik. Sebagai contoh, iklan, brosur, jadual dan lain-lain lagi.
	<u>Bahagian C</u> Kefahaman	Respons bebas	3 (3) 1 (1)	8 (8%) 2 (2%)	Tiga soalan respons bebas dan satu soalan yang mengandungi dua item semantik.
	Subtotal	-	19 (19)	30 (%)	-

1133 MALAY (SPECIAL PROGRAMME) GCE ORDINARY LEVEL SYLLABUS

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
3 (45 min)	Lisan dan Kefahaman Mendengar				
	(a) Lisan <u>Bahagian A</u> Bacaan Lantang	-	1 (1)	10 (10%)	Calon dikehendaki membaca lantang petikan yang diberikan.
	<u>Bahagian B</u> Perbualan	-	1 (1)	20 (20%)	Calon dikehendaki berbual dengan pemeriksa lisan berdasarkan tema gambar yang disediakan.
	(b) Kefahaman Mendengar	MCQ	15 (15)	20 (20%)	Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan tujuh petikan autentik pelbagai genre seperti iklan, pengumuman, rencana, laporan berita dan lain-lain lagi. Empat daripada petikan tersebut merupakan petikan pendek.
	Subtotal	-	17 (17)	50 (50%)	-
	Total	-	41 (38)	100 (100%)	-

RUBRIK PEMARKAHAN

LAMPIRAN A

**RUBRIK PEMARKAHAN
KERTAS 1 (KARANGAN)**

1 BAHAGIAN A (5 MARKAH)

BAND (MARKAH)	PENERANGAN	
	ISI	BAHASA & ORGANISASI
1 (5 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ idea sangat padat ▪ idea relevan sepenuhnya 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ hampir tiada kesalahan bahasa, ejaan dan tanda baca ▪ penggunaan kosa kata amat sesuai ▪ susunan idea sangat kemas ▪ penyampaian idea sangat jelas
2 (4 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ idea padat ▪ idea relevan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ terdapat beberapa kesalahan bahasa, ejaan dan tanda baca yang kecil ▪ penggunaan kosa kata sesuai ▪ susunan idea kemas ▪ penyampaian idea jelas
3 (3 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ idea kurang padat ▪ idea tidak relevan sepenuhnya 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ terdapat beberapa kesalahan bahasa, ejaan dan tanda baca yang tidak menjejaskan pemahaman ▪ penggunaan kosa kata masih sesuai ▪ susunan idea kurang kemas ▪ penyampaian idea agak jelas
4 (2 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ idea tidak mencukupi ▪ sedikit sahaja idea yang relevan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ terdapat banyak kesalahan bahasa, ejaan dan tanda baca yang menjejaskan pemahaman ▪ penggunaan kosa kata terhad; adakalanya kurang sesuai ▪ susunan idea agak bercelaru ▪ penyampaian idea agak mengelirukan
5 (1 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ idea amat terhad ▪ kebanyakan idea tidak relevan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ terdapat kesalahan bahasa, ejaan dan tanda baca yang menunjukkan pengetahuan tatabahasa yang amat terhad ▪ penggunaan kosa kata amat terhad ▪ susunan idea bercelaru ▪ penyampaian idea mengelirukan

2 BAHAGIAN B (15 MARKAH)

BAND (MARKAH)	PENERANGAN	
	ISI	BAHASA & ORGANISASI
1 (13 – 15 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ idea sangat padat dan relevan sepenuhnya ▪ kesemua idea dikembangkan ▪ sangat menarik 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ hampir tiada kesalahan bahasa, ejaan dan tanda baca ▪ kosa kata pelbagai dan sesuai ▪ pemerenggan dan susunan idea sangat baik ▪ kaitan idea sangat baik
2 (10 – 12 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ idea padat dan relevan ▪ tidak semua idea dikembangkan ▪ pada keseluruhannya menarik 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ sedikit kesalahan bahasa, ejaan dan tanda baca ▪ kosa kata pada keseluruhannya sesuai ▪ pemerenggan dan susunan idea baik ▪ kaitan idea baik
3 (7 – 9 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ terdapat beberapa idea yang relevan ▪ sebahagian sahaja idea dikembangkan ▪ kurang menarik 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ terdapat beberapa kesalahan bahasa, ejaan dan tanda baca yang tidak menjejaskan pemahaman ▪ kosa kata mudah dan kadangkala kurang sesuai ▪ pemerenggan dan susunan idea memuaskan ▪ kaitan idea memuaskan
4 (4 – 6 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ terdapat sedikit sahaja idea yang relevan ▪ idea dikembangkan secara minimum ▪ tidak menarik 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ terdapat banyak kesalahan bahasa, ejaan dan tanda baca yang menjejaskan pemahaman ▪ kosa kata terhad ▪ pemerenggan dan susunan idea kurang memuaskan ▪ kaitan idea kurang memuaskan
5 (1 – 3 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ idea amat sedikit yang relevan ▪ idea tidak dikembangkan ▪ membingungkan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ penuh dengan kesalahan bahasa, ejaan dan tanda baca yang amat menjejaskan pemahaman walaupun dalam ayat mudah ▪ kosa kata amat asas ▪ tidak terdapat pemerenggan dan susunan idea yang munasabah ▪ tidak terdapat kaitan idea yang munasabah

**RUBRIK PEMARKAHAN
KERTAS 3 (LISAN)**

1 BACAAN LANTANG (10 MARKAH)

BAND (MARKAH)	SEBUTAN DAN PENGUCAPAN	KELANCARAN DAN RENTAK
1 (5 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ sebutan hampir sempurna ▪ pengucapan sangat jelas 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bacaan lancar, kelajuan bacaan baik ▪ rentak dan tekanan sesuai ▪ intonasi bervariasi dan sesuai
2 (4 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ sekali-sekala terdapat kesilapan dalam sebutan ▪ pengucapan jelas 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bacaan lancar ▪ sekali-sekala terdapat kesilapan dalam rentak dan tekanan ▪ pada umumnya, intonasi bervariasi dan sesuai
3 (3 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ sering kali terdapat kesilapan dalam sebutan ▪ pada keseluruhannya, pengucapan jelas 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bacaan kurang lancar ▪ terdapat beberapa kesilapan dalam rentak dan tekanan ▪ sekali-sekala intonasi bervariasi
4 (1 – 2 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ terdapat banyak kesilapan yang ketara dalam sebutan ▪ pengucapan jarang sekali jelas 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bacaan tidak lancar ▪ sering kali terdapat kesilapan dalam rentak dan tekanan ▪ intonasi jarang sekali bervariasi

2 PERBUALAN (20 MARKAH)

BAND (MARKAH)	RESPONS PERIBADI DAN PENGEMBANGAN IDEA	BAHASA DAN KELANCARAN
1 (9 – 10 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ memberikan respons peribadi yang cukup tentang topik ▪ mengembangkan idea dengan jelas dan koheren ▪ tidak memerlukan rangsangan ▪ berupaya mengekalkan perbualan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menggunakan kosa kata dan bentuk ayat yang sesuai dan pelbagai dengan baik ▪ menggunakan sebutan yang sangat baik dan intonasi yang sesuai dalam perbualan ▪ lancar dan kelajuan sesuai
2 (6 – 8 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ memberikan beberapa respons peribadi yang cukup tentang topik ▪ mengembangkan kebanyakan idea dengan jelas dan koheren ▪ sekali-sekala memerlukan rangsangan ▪ kebanyakan masanya berupaya mengekalkan perbualan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menggunakan kosa kata yang pelbagai dan sesuai dengan memadai serta bentuk ayat yang mudah ▪ menggunakan sebutan yang baik dan intonasi yang sesuai dalam perbualan ▪ pada umumnya, lancar
3 (3 – 5 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ memberikan respons peribadi yang mudah-mudah tentang topik ▪ mengembangkan beberapa idea dengan agak jelas dan koheren ▪ sering kali memerlukan rangsangan ▪ kadangkala berupaya mengekalkan perbualan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menggunakan kosa kata dan bentuk ayat yang asas dan kadangkala tidak sesuai ▪ membuat beberapa kesilapan dalam sebutan dan intonasi dalam perbualan ▪ beberapa kali tersekat-sekat dan terhenti pada waktu yang tidak sesuai
4 (1 – 2 markah)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ hampir tidak dapat memberikan respons peribadi tentang topik ▪ hampir tidak berupaya mengembangkan idea dengan jelas dan koheren ▪ sentiasa memerlukan rangsangan ▪ hampir tidak berupaya mengekalkan perbualan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menggunakan kosa kata dan bentuk ayat yang asas dan kadangkala tidak sesuai ▪ membuat banyak kesilapan dalam sebutan dan intonasi dalam perbualan ▪ kerap tersekat-sekat dan terhenti pada waktu yang tidak sesuai